

Kenyataan Dasar
Autoriti Monetari Brunei Darussalam
2/2014

Tarikh: 10 Disember 2014

Ekonomi Global

1. Pertumbuhan ekonomi global pada setengah tahun pertama 2014 adalah lebih lemah daripada yang dijangkakan. Pertumbuhan ekonomi di negara-negara maju khususnya di Eropah dan Jepun masih ketinggalan di belakang walaupun aktiviti ekonomi di Amerika Syarikat telah kembali pulih. Oleh itu, dasar monetari berkemungkinan besar akan kekal akomodatif di dalam sebahagian besar ekonomi-ekonomi maju kecuali Amerika Syarikat untuk merangsang pertumbuhan ekonomi.

Perkembangan Ekonomi Negara Brunei Darussalam

2. Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) pada harga tetap meningkat pada kadar 0.8% tahun ke tahun pada suku kedua 2014 selepas mengalami penurunan sederhana pada suku pertama 2014. Sektor Minyak dan Gas masih menurun pada kadar 1.5% di suku kedua tahun 2014 yang disebabkan oleh pengurangan pengeluaran minyak. Sementara itu, Sektor Bukan Minyak dan Gas meningkat sebanyak 2.5% yang disebabkan oleh pertumbuhan Sektor Perkhidmatan Kerajaan, Perkhidmatan Persendirian dan Perdagangan. Unjuran pertumbuhan ekonomi bagi 2014 telah disemak semula kepada 1.1%¹ disebabkan oleh penurunan di dalam Sektor Minyak dan Gas yang dijangkakan sebanyak 0.2%. Walau bagaimanapun, Sektor Bukan Minyak dan Gas adalah dijangkakan untuk meningkat sebanyak 3.4%.
3. Inflasi, seperti yang dicatatkan oleh Indeks Harga Pengguna (IHP), kekal rendah di negara ini dimana ianya menurun sebanyak 0.7% tahun ke tahun

¹ Jabatan Perancangan dan Kemajuan Ekonomi (JPKE), Jabatan Perdana Menteri.

bagi Oktober 2014². Penurunan ini adalah disebabkan oleh penurunan indeks bagi Pakaian dan Kasut; Pengangkutan; dan Perhiasan, Peralatan Isi Rumah dan Penyelenggaraan Rutin Isi Rumah. Sebaliknya, indeks bagi Restoran dan Hotel, Pelbagai Barangan dan Perkhidmatan; dan Komunikasi telah meningkat. Harga makanan global dijangka akan terus menurun memandangkan prospek hasil tanaman yang tetap kukuh. FAO Food Price Index³ yang terkini menunjukkan penurunan sebanyak 6.4% tahun ke tahun pada November 2014. Selain itu, Dolar Brunei dijangka akan terus kukuh selaras dengan peningkatan secara berperingkat bagi Singapore Dollar Nominal Effective Exchange Rate (S\$NEER). Tren tersebut bersama-sama dengan kawalan harga yang berterusan terhadap barangan pengguna tertentu melalui subsidi kerajaan, dijangka akan mengekalkan kadar inflasi yang rendah.

Perkembangan Kewangan Negara Brunei Darussalam

4. Pada 3 Oktober 2014, AMBD telah mengeluarkan Notis kepada bank-bank berlesen dan Perbadanan Tabung Amanah Islam Brunei (TAIB), yang mana peraturan mengenai kadar-kadar maksima pembiayaan rumah yang ditetapkan sebelum ini telah dibatalkan. Dengan Notis ini, kesemua bank boleh menawarkan kadar pembiayaan rumah secara kompetitif. Walau bagaimanapun, pihak AMBD akan sentiasa memantau sektor ini dan berhak untuk mengambil tindakan dari masa ke semasa bagi memastikan kadar pembiayaan yang dikenakan kepada konsumen adalah berpatutan.

5. AMBD juga telah mengeluarkan Notis mengenai denda kompaun dan penalti kepada bank-bank berlesen yang berkuatkuasa pada 1 Julai 2014. Bank-bank akan dikenakan penalti sebagaimana yang telah ditetapkan jika berlakunya ketidakpatuhan atau kegagalan dalam memenuhi peruntukan Perintah Perbankan, 2006 dan Perintah Perbankan Islam, 2008. Notis ini adalah bertujuan untuk memastikan tahap pematuhan yang menyeluruh oleh

² Jabatan Perancangan dan Kemajuan Ekonomi (JPKE), Jabatan Perdana Menteri, *Consumer Price Index (CPI), October 2014, Negara Brunei Darussalam.*

³ Food and Agriculture Organization of the United Nations.

kesemua bank, dan dengan yang demikian akan mengurangkan risiko terhadap sistem kewangan dan bagi memastikan persaingan yang seimbang di dalam industri perbankan.

6. Pada suku ketiga 2014, jumlah keseluruhan aset perbankan telah menurun sebanyak 2.1% disebabkan oleh penurunan jumlah deposit sebanyak 1.3% berbanding dengan suku ketiga 2013. Sebaliknya, pembiayaan yang merupakan 29.7% daripada jumlah keseluruhan aset menunjukkan pertumbuhan yang positif pada kadar 2.3% berbanding dengan suku ketiga 2013. Manakala penempatan aset secara *offshore* telah menurun sebanyak 17.6% kepada BND7.7 bilion berbanding dengan suku ketiga 2013. Penurunan tersebut adalah selaras dengan objektif AMBD untuk memastikan penggunaan dana bagi keperluan pembiayaan di dalam negara.
7. Institusi perbankan terus menunjukkan kekukuhan kewangan dengan *Capital Adequacy Ratio* industri 19.3% pada suku ketiga 2014, yang mana melebihi keperluan mandatori minima 10% dan piawaian antarabangsa minima 8%. Nisbah keuntungan untuk suku ketiga 2014, dari segi *Return on Assets* (ROA) dan *Return on Equity* (ROE), adalah masing-masing 1.3% dan 9.7% yang sebanding dengan nisbah-nisbah antarabangsa dan serantau. Nisbah pembiayaan yang tidak berbayar telah menurun kepada 7.4% dalam tempoh yang sama tahun lepas disebabkan oleh penambahbaikan terhadap pengurusan risiko kredit bank-bank.
8. Sempena pembukaan rasmi cawangan baru Kredit Biro di Dar Takaful IBB Utama pada 22 September 2014 yang lalu, perkhidmatan '*Self-Inquiry & Dispute Resolution*' (SIDR) telahpun diperkenalkan kepada orang ramai bagi memberi akses kepada maklumat kredit masing-masing serta membuat pengesahan mengenainya. Perkhidmatan ini bertujuan bagi menggalakkan dan meningkatkan ketelusan kepada orang ramai mengenai kedudukan kredit mereka serta mendorong budaya *responsible borrowing*.

9. Fasa pertama proses pemodenan sistem pembayaran dan penyelesaian nasional telahpun dilaksanakan dengan pelancaran sistem *Real Time Gross Settlement* (RTGS) pada 7 November 2014. AMBD juga telah mengambil alih pusat *cheque clearing house*, yang sebelum ini dikendalikan oleh Brunei Association of Banks (BAB), pada 1 Disember 2014, dengan objektif untuk menggantikannya dengan *Automated Clearing House* (ACH) pada pertengahan tahun 2015.

10. Berhubung dengan industri insurans/takaful, AMBD telah mengeluarkan 3 garis panduan yang berkuatkuasa pada 1 Julai 2014:
 - 10.1. *Guidelines on the Registration of General Insurance Agents;*
 - 10.2. *Guidelines on the Registration of General Takaful Agents;*
 - 10.3. *Guidelines on the Fit and Proper Criteria for Key Responsible Persons in Insurance and Takaful.*Ejen-ejen takaful/insurans am adalah dikehendaki untuk berdaftar dengan AMBD dan mematuhi syarat-syarat yang diperuntukkan, berkuatkuasa sepenuhnya pada 1 Januari 2015. AMBD berpendapat bahawa keperluan ini akan meningkatkan *professionalism* dan disiplin yang sekaligus meningkatkan keyakinan orang ramai terhadap industri takaful/insurans tempatan.

11. AMBD telah mengeluarkan dua notis di bawah Securities Market Order (SMO), 2013 yang berkuatkuasa pada 22 Ogos 2014:
 - 11.1. Notis pertama adalah mengenai *exemption from public offering registration requirement* yang dikenakan kepada pemegang lesen *Capital Market Services* di bawah SMO, 2013 dan apa-apa sekuriti yang tidak termasuk dalam tafsiran sekuriti dan transaksi yang diberi pengecualian di bawah seksyen 117 SMO, 2013;
 - 11.2. Notis kedua yang dikeluarkan adalah mengenai *withdrawal of exemptions granted* di bawah *repealed* Securities Order, 2001 and Mutual Funds Order, 2001 yang dikenakan kepada bank-bank, syarikat

insurans, pengendali takaful dan syarikat-syarikat yang dilesenkan di bawah Registered Agents and Trustees Licensing Order, 2000.

Perkembangan Masa Depan

12. AMBD telah memulakan fasa kedua bagi projek sistem pembayaran dan penyelesaian iaitu pelaksanaan *Automated Clearing House* (ACH). Sistem ini, antarlainnya, akan memproses cek secara automatik dan memudahcara pemindahan *direct debit* dan kredit, dan dijangka akan dilancarkan pada pertengahan tahun 2015.